

4. PENGECUALIAN BAYARAN PENALTI BAGI BANGUNAN-BANGUNAN KILANG DI DALAM KAWASAN PERUSAHAAN YANG DITAJA OLEH KERAJAAN

Jawatankuasa mengambil ingatan akan laporan ringkas Setiausaha Perbandaran dan bersetuju supaya dasar pengecualian bayaran penalti yang diluluskan oleh Majlis pada 11.2.88 diperluaskan untuk meliputi bangunan-bangunan kilang di kawasan perindustrian yang ditaja oleh Kerajaan tertakluk kepada syarat berikut :-

Pelan-pelan bangunan mestilah dikemukakan dahulu dan kebenaran Majlis diperolehi untuk memulakan kerja sebelum kelulusan pelan bangunan dengan syarat permulaan kerja sebelum kelulusan pelan bangunan itu hendaklah dengan risiko pemohon itu sendiri.

(Disahkan pada 13.4.89)